Tel: 03-2177-2600

**Embassy of Japan**
No. 11, Persiaran Stonor,
Off Jalan Tun Razak,
50450 Kuala Lumpur,
Malaysia.

No.10./2019

26 August 2019

KENYATAAN MEDIA

**BIASISWA KERAJAAN JEPUN (MONBUKAGAKUSHO: MEXT) 2020**
**YOUNG LEADERS' PROGRAM (YLP)**

Kedutaan Jepun dengan ini mengumumkan pembukaan bagi permohonan Biasiswa Kerajaan Jepun (Monbukagakusho: MEXT) iaitu Young Leaders' Program (YLP) 2020 yang akan dibuka sehingga **27hb September 2019**. Semua warga Negara Malaysia lepasan ijazah yang ingin menyambung pengajian ke peringkat Sarjana adalah dijemput untuk memohon biasiswa ini. Dalam tempoh tersebut, elaun yang akan diberikan adalah 242,000 yen (tertakluk pada perubahan). Segala perbelanjaan yuran peperiksaan, matrikulasi dan yuran bulanan akan dikecualikan, dan juga tiket penerbangan pergi dan balik turut disediakan.

Tempoh bagi kursus ini adalah setahun (1) dari Oktober 2020 sehingga September 2021 (kecuali bagi kursus Pengurusan Perniagaan yang bermula dari September 2020 sehingga Ogos 2021). Semua kursus ini disampaikan dalam Bahasa Inggeris.

Terdapat lima (5) kursus di bawah Young Leaders' Program : -

1. **Kursus Pengurusan Perniagaan** (Sarjana Pengurusan Perniagaan) di Hitotsubashi University
2. **Kursus Perundangan** (Sarjana Perundangan) di Kyushu University
3. **Kursus Sekolah Kerajaan** (Sarjana Pengurusan Awam atau Sarjana Perundangan Awam) di National Graduate Institute for Foreign Policy (GRIPS)
4. **Kursus Sekolah Kerajaan Tempatan** (Sarjana Pengurusan Awam atau Sarjana Perundangan Awam) di National Graduate Institute for Foreign Policy (GRIPS)
5. **Kursus Pengurusan Kesihatan** (Sarjana Pengurusan Kesihatan) di Nagoya University

**Syarat-syarat Permohonan: -**

1. Warganegara Malaysia berkelulusan ijazah dengan kepujian.
2. Bagi **Kursus Pengurusan Perniagaan**, pemohon mestilah:-
   (a) berumur bawah 40 tahun pada 1hb September 2020;
   (b) fasih bertutur dalam Bahasa Inggeris (markah minima TOEFL 600/ TOEFL-CBT 250/ atau yang setaraf) dan memperolehi keputusan GMAT; dan
   (c) mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya 3 tahun.
3. Bagi **4 kursus lain**, pemohon mestilah:-
   (a) berumur bawah 40 tahun pada 1hb Oktober 2020;
   (b) fasih bertutur dalam Bahasa Inggeris (markah minima TOEFL 550/TOEFL-iBT 80/IELTS 6.0 atau yang setaraf); dan
   (c) mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya 3 tahun di sektor kerajaan (bagi **Kursus Pengurusan Kesihatan**, pengalaman bekerja di Kementerian Kesihatan Malaysia), (bagi **Kursus Perundangan**, sekurang-kurangnya 4 tahun pengalaman bekerja atau mengendalikan hal ehwal yang berkaitan dengan undang-undang di Malaysia).

Permohonan boleh dibuat melalui pihak yang di sahkan oleh Kedutaan; bagi Kursus Pengurusan Perniagaan sila hubungi, Dewan Perdagangan & Industri Kebangsaan Malaysia di nombor tel. 03-62049811 atau annie@nccim.org.my (Ms. Annie William), bagi kursus pengurusan kesihatan, permohonan boleh dibuat melalui Kementerian Kesihatan Malaysia di nombor tel. 03-88906050 atau emailkan ke drnorsyamimi@moh.gov.my (Dr. Norsyamimi)/ drfairozazlim@moh.gov.my (Dr. Fairoz . Permohonan bagi 3 kursus lain, sila hubungi Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia di nombor tel. 03-88853053 atau emelkan ke ldp@jpa.gov.my (Encik Kamarul). Bagi kursus Perundangan, pemohonan bagi pegawai bukan kerajaan juga boleh dibuat melalui Kuliyah Undang-undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia di nombor tel. 03-61964226 atau emelkan ke ramizah@iium.edu.my (Prof. Madya Dr. Ramizah Wan Muhammad).

Tel: 03-2177-2600

**Embassy of Japan**
No. 11, Persiaran Stonor,
Off Jalan Tun Razak,
50450 Kuala Lumpur,
Malaysia.

Untuk maklumat lanjut sila hubungi bahagian Perkhidmatan Jepun, Kedutaan Jepun di nombor tel. 03-2177 2600 sambungan 146 atau layari https://www.my.emb-japan.go.jp/itpr_en/youngleaders.html.

Kuala Lumpur
August 2019